

16 JAN 2001

Morais

PEGUAM MALAYSIA HERBERT MORAIS BERSEDIA BAGI CABARAN BARU

Oleh: Salmey Hashim

WASHINGTON, 16 Jan (BERNAMA) -- Selepas 27 tahun berkhidmat sebagai peguam terkemuka di tiga sistem perbankan utama, anak kelahiran Malaysia Dr Herbert V. Morais, sudah bersedia bagi cabaran baru.

Morais, yang baru-baru ini dijadikan rakan kongsi Dewey Ballantine LLP, sebuah firma guaman antarabangsa terkemuka di sini, ditugaskan untuk memberi nasihat kepada kerajaan dalam menangani isu-isu pembaharuan undang-undang.

"Bagi mana-mana pembaharuan perundangan untuk berjaya, ia perlu secara beransur-ansur (kerana) pendekatan tergesa-gesa yang tidak sesuai dengan keperluan tempatan, pastinya akan gagal," kata Morais dalam satu temu bual di sini sebelum beliau berlepas ke Sri Lanka untuk menyampaikan ucap tama mengenai pembaharuan undang-undang pada Persidangan Undang-undang Kebangsaan negara itu.

"Kita tidak boleh ambil undang-undang di Perancis, misalnya, dan laksanakannya di Malaysia kerana terdapat budaya tempatan, hak harta benda yang sedang dilaksanakan -- jika faktor-faktor ini tidak diambil kira, undang-undang baru itu tidak akan difahami dan diterima dan penduduk tempatan yang akan melihatnya sebagai pemindahan asing," katanya.

Pembaharuan perundangan antarabangsa, terutama dalam kewangan antarabangsa, merupakan bidang yang baru.

Krisis kewangan antarabangsa yang melanda ekonomi Amerika Latin dan Asia telah mewujudkan pergerakan kuat bagi pembaharuan undang-undang bagi memperbaiki pentadbiran korporat, bagi memperkukuhkan agensi pengawasan yang menyelia korporat dan institusi kewangan serta institusi perundangan bagi menimbang tara pertelingkahan komersil secara berkesan.

Dewey Ballantine, yang mempunyai 500 peguam dan 130 rakan kongsi di pejabat-pejabat di New York, London, Hong Kong, Budapest, Krakow dan Warsaw, mempunyai 25 lagi kumpulan pengamal.

Firma guaman itu merupakan satu daripada yang pertama di dunia yang menubuhkan kumpulan pengamal pembaharuan perundangan antarabangsa bagi membantu negara-negara membangun dalam usaha mereka untuk memperbaiki dan mengemas kini undang-undang melibatkan kewangan, perniagaan, perbankan, kemuflihan, perakaunan dan peraturan sekuriti.

Morais bukan orang baru dalam bidang ini. Beliau telah berkhidmat hampir 30 tahun bermula dengan Bank Pembangunan Asia sebagai Penolong Ketua Peguam dan kemudiannya sebagai Ketua Peguam di Bank Dunia dan baru-baru ini sebagai Penolong Ketua Peguam di Tabung Kewangan Antarabangsa.

Pengalaman beliau di Manila dan Washington melibatkan menasihatkan kerajaan-kerajaan asing dalam beberapa projek pembaharuan perundangan di Asia, Asia Barat, Afrika Utara dan Amerika Latin, terutama dalam undang-undang perniagaan, komersil dan kewangan.

"Saya berasal dari sebuah negara membangun. Setelah mengh`biskan masa 27 tahun dalam institusi membangun antarabangsa, saya faham apa yang negara-negara membangun mahukan. Setiap kerajaan patut duduk di kerusi pemandu dalam mereka bentuk undang-undang -- kami memberikan nasihat dan pilihan dasar," kata Morais, lulusan Harvard Law School.

"Kita tidak patut mengulangi kesilapan beberapa pakar asing yang membabi buta mengguna pakai model perundangan Barat tanpa menyesuaikannya dengan keperluan tempatan.

"Akhirnya, negara berkenaan yang akan membuat keputusan sendiri bagi jenis undang-undang yang mereka mahu. Tugas kami ialah untuk tidak

mengesport undang-undang Amerika," kata bapa kepada tiga anak yang sudah dewasa itu.

Morais, yang dibesarkan di Ipoh dan Kuala Lumpur, merupakan seorang daripada lima orang anak mendiang John Victor Morais, terkenal dengan biografinya mengenai pemimpin Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. John Morais juga adalah editor dan penerbit "Who's Who in Malaysia".

"Saya rasa pembaharuan perundangan antarabangsa adalah baik, cabaran menarik dalam kerjaya saya dalam undang-undang. Saya telah hidup di luar negara sejak 35 tahun lepas. Saya ingin menyumbang sesuatu kepada Malaysia," katanya sebelum berlepas ke Colombo dengan berhenti sekejap di Manila, Hong Kong, Singapura dan Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

SH AHH RHM MAI